

SIARAN SEGERA

30 JANUARI 2019

**PERMOHONAN UNTUK MENYERTAI PROGRAM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI
DALAM TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO GEORGE TOWN**

George Town World Heritage Incorporated sedang menjalankan program pencegahan kebakaran secara percuma kepada komuniti tempatan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town bagi meningkatkan keselamatan, kemahiran dan kecekapan mereka untuk bertindak balas terhadap kejadian kebakaran. 50 orang penghuni yang terlibat yang merupakan peserta program ini akan dibekalkan dengan alat pemadam api dan alat pengesan asap.

Melalui program Komuniti Sebagai Responden Kebakaran di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town anjuran bersama UNESCO Jakarta, peserta-peserta akan memperolehi satu set alat pemadam api dan alat pengesan kebakaran yang akan dipasang di premis-premis warisan mereka. Para peserta juga akan menghadiri latihan pencegahan kebakaran selama 3 jam untuk mempelajari maklumat praktikal bagi pengurangan risiko kebakaran.

Tujuan program ini adalah untuk melindungi Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town daripada kemusnahan kebakaran, memperbaiki langkah - langkah pencegahan dan meningkatkan ketahanan komuniti semasa menghadapi kejadian kebakaran. Program ini dijangka dapat memberikan kesedaran awam terhadap langkah - langkah pragmatik dalam perlindungan warisan budaya daripada ancaman bencana.

Pemilik, penduduk dan peniaga di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town boleh menyertai program ini dengan membuat permohonan melalui <https://goo.gl/forms/9cxBO3QIRV9sE6EJ3> atau terus ke pejabat George Town World Heritage Incorporated sebelum 15 Mac 2019. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ms Ng Boon Nee (boonnee@gtwhi.com.my atau 014-909 0035).

Perhubungan Media:

Josephine Jalleh
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kollaborasi
George Town World Heritage Incorporated
Tel: 04-261 6606 / 017-446 5366
Emel: josephine@gtwhi.com.my